



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 72  
No. 21

**10hb Oktober 2019**

*TAMBAHAN No. 1  
ENAKMEN*

---


---

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, adalah diterbitkan menurut Fasal (4) Perkara 34 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang:

The following Enactments, passed by the Pahang State Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Sultan of Pahang, are published pursuant to Clause (4) of Article 34 of the Second Part of the Laws of the Constitution of Pahang:

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen A67	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan) 2018
Enactment A67	Islamic Family Law (Amendment) Enactment 2018
Enakmen A68	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pindaan) 2016 (Pindaan) 2018
Enactment A68	Syariah Criminal Offences (Amendment) Enactment 2016 (Amendment) 2018
Enakmen A69	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) 2018
Enactment A69	Administration of Islamic Law (Amendment) Enactment 2018

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen A70	Enakmen Perbekalan (2019) 2018
Enactment A70	Supply (2019) Enactment 2018
Enakmen A71	Enakmen Peruntukan Di Raja (Pindaan) 2019
Enactment A71	Civil List (Amendment) Enactment 2019



# **UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG**

## **Enakmen A67**

**ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA  
ISLAM (PINDAAN) 2018**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	28 Januari 2019
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	10 Oktober 2019

# UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

## Enakmen A67

### ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (PINDAAN) 2018

BETA BERSETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN  
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH  
AL-MUSTA'IN BILLAH  
*Sultan Pahang*

28 Januari 2019

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005.

[ ]

**DIPERBUAT** undang-undang oleh Badan Perundangan Negeri Pahang seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan) 2018.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

**Pindaan seksyen 2**

2. Seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam [*Enakmen No. 3 tahun 2005*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dengan menggantikan takrif “wali Hakim” dengan takrif yang berikut:

‘ “wali Hakim” ertinya wali yang ditauliahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mengahwinkan perempuan yang tidak mempunyai wali menurut Hukum Syarak;’.

**Pindaan seksyen 35**

3. Seksyen 35 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “satu ribu” dengan perkataan “tiga ribu”.

**Pindaan seksyen 40**

4. Subseksyen 40(1) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “satu ribu” dengan perkataan “tiga ribu”.

**Pindaan seksyen 52**

5. Subseksyen 52(2) Enakmen ibu dipinda dalam teks bahasa Kebangsaan dengan memasukkan selepas perkataan “hendaklah” perkataan “dalam masa tujuh hari”.

**Pindaan seksyen 57**

6. Seksyen 57 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Mana-mana orang yang sengaja cuai atau tidak melaporkan sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu.”.

**Penggantian seksyen 123**

7. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 123 dengan seksyen yang berikut:

**“Rayuan**

**123.** Apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah, dan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dibuat kepada Mahkamah Rayuan Syariah.”.

**Pindaan seksyen 124**

8. Seksyen 124 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “satu ribu” dengan perkataan “tiga ribu”.

**Pindaan seksyen 125**

9. Seksyen 125 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “satu ribu” dengan perkataan “tiga ribu”.

**Pindaan seksyen 126**

10. Seksyen 126 Enakmen ibu dipinda—

(a) dengan memotong subseksyen (1); dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “satu ribu” dengan perkataan “tiga ribu”.

**Seksyen baru 135A**

11. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 135 seksyen yang berikut:

**“Pengkompunan kesalahan**

**135A.** (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis boleh menetapkan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* kesalahan di bawah Enakmen ini yang boleh dikompun.


(2) Perintah itu boleh menetapkan orang yang boleh mengkompaun, had jumlah wang yang boleh dipungut sebagai kompaun, prosedur dan borang yang berkaitan dengan pengkompaunan kesalahan itu.”.

Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang pada  
23 November 2018.

[PUN. Phg. D/100/26/5]

SYED AHMAD KHIRULANWAR  
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha Dewan Negeri,  
Pahang*





# **LAWS OF THE STATE OF PAHANG**

**Enactment A67**

**ISLAMIC FAMILY LAW (AMENDMENT)  
ENACTMENT 2018**

Date of Royal Assent	...	...	28 January 2019
Date of publication in the <i>Gazette</i>	...	...	10 October 2019

**LAWS OF THE STATE OF PAHANG**

**Enactment A67**

**ISLAMIC FAMILY LAW (AMENDMENT)  
ENACTMENT 2018**

I ASSENT,

(STATE SEAL)

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN  
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH  
AL-MUSTA'IN BILLAH  
*Sultan of Pahang*

28 January 2019

An Enactment to amend the Islamic Family Law Enactment 2005.

[ ]

**ENACTED** by the Legislature of the State of Pahang as follows:

**Short title and commencement**

**1.** (1) This enactment may be cited as the Islamic Family Law (Amendment) Enactment 2018.

(2) This Enactment comes into operation on the date of assent of His Royal Highness the Sultan.

**Amendment of section 2**

2. The Islamic Family Law Enactment 2005 [*Enactment No. 3 of 2005*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended in section 2 by substituting the definition of “*wali Hakim*” the following definition—

‘ “*wali Hakim*” means a *wali* authorized by the His Royal Highness the Sultan to give away in marriage a woman who has no *wali* according *Hukum Syarak*;’.

**Amendment of section 35**

3. Section 35 of the principal Enactment is amended by substituting for the words “one thousand” the words “three thousand”.

**Amendment of section 40**

4. Subsection 40(1) of the principal Enactment is amended by substituting for the words “one thousand” the words “three thousand”.

**Amendment of section 52**

5. Subsection 52(2) of the principal Enactment of the national language text is amended by inserting after word “shall” the words “within seven days”.

**Amendment of section 57**

6. Section 57 of the principal Enactment is amended by inserting after subsection (3) the following subsection:

“(4) Any person who willfully neglects or fails to report as required by subsection (1) commits an offence and shall be punished with a fine not exceeding three thousands ringgit or with imprisonment not exceeding six months or with both such fine and imprisonment.”.

**Substituting of section 123**

7. The principal Enactment is amended by substituting for section 123 the following section:

**“Appeal**

**123.** Any appeal against any decision of the Syariah Subordinate Court shall be made to the Syariah High Court, and any appeal against any decision of the Syariah High Court shall be made to the Syariah Appeal Court.”.

**Amendment of section 124**

8. Section 124 of the principal Enactment is amended by substituting for the words “one thousand” the words “three thousand”.

**Amendment of section 125**

9. Section 125 of the principal Enactment is amended by substituting for the words “one thousand” the words “three thousand”.

**Amendment of section 126**

10. Section 126 of the principal Enactment is amended—

(a) by deleting subsection (1); and

(b) in subsection (2), by substituting for the words “one thousand” the words “three thousand”.

**New section 135A**

11. The principal Enactment is amended by inserting after section 135 the following section:

**“Compounding of offences**

**135A.** (1) His Royal Highness the Sultan may on the advice of the Majlis by an order published in the *Gazette* determine the offences under this Enactment which may be compounded.

(2) The order may prescribe who may compound, the limit of the amount of money that can be collected as a compound, procedures and forms relating to the compounding of offences.”.

Passed by the Legislative Assembly of Pahang on 23 November 2018.  
[PUN. Phg. D/100/26/5]

SYED AHMAD KHIRULANWAR  
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Clerk of the Legislative Assembly,  
Pahang*





# **UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG**

## **Enakmen A68**

**ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH  
(PINDAAN) 2016 (PINDAAN) 2018**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	28 Januari 2019
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	10 Oktober 2019



**UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG**

**Enakmen A68**

**ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH  
(PINDAAN) 2016 (PINDAAN) 2018**

BETA BERSETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN  
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH  
AL-MUSTA'IN BILLAH  
*Sultan Pahang*

28 Januari 2019

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pindaan) 2016.

[ ]

**DIPERBUAT** undang-undang oleh Badan Perundangan Negeri Pahang seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas**

**1.** Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pindaan) 2016 (Pindaan) 2018.


**Pindaan seksyen 1**

2. Subseksyen 1(2) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pindaan) 2016 [*Enakmen A56*], dipinda dengan menggantikan perkataan “1 Disember 2016” dengan perkataan “6 Oktober 2017”.

Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang pada 23 November 2018.

[PUN. Phg. D/100/26/20]

SYED AHMAD KHIRULANWAR  
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha Dewan Negeri,  
Pahang*



# **LAWS OF THE STATE OF PAHANG**

## **Enactment A68**

**SYARIAH CRIMINAL OFFENCES (AMENDMENT)  
ENACTMENT 2016 (AMENDMENT) 2018**

Date of Royal Assent	...	...	28 January 2019
Date of publication in the <i>Gazette</i>		...	10 October 2019

**LAWS OF THE STATE OF PAHANG**

**Enactment A68**

**SYARIAH CRIMINAL OFFENCES (AMENDMENT)  
ENACTMENT 2016 (AMENDMENT) 2018**

I ASSENT,

(STATE SEAL)

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN  
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH  
AL-MUSTA'IN BILLAH  
*Sultan of Pahang*

28 January 2019

An Enactment to amend the Syariah Criminal Offences (Amendment) Enactment 2016.

[ ]

**ENACTED** by the Legislature of the State of Pahang as follows:

**Short title**

1. This enactment may be cited as the Syariah Criminal Offences (Amendment) Enactment 2016 (Amendment) 2018.


**Amendment of section 1**

2. Subsection 1(2) of the Syariah Criminal Offences (Amendment) Enactment 2016 [*Enactment A56*] is amended by substituting for the words “1 December 2016” the words “6 October 2017”.

Passed by the Legislative Assembly of Pahang on 23 November 2018.  
[PUN. Phg. D/100/26/20]

SYED AHMAD KHIRULANWAR  
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Clerk of the Legislative Assembly,  
Pahang*





# **UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG**

## **Enakmen A69**

**ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG  
ISLAM (PINDAAN) 2018**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	28 Januari 2019
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	10 Oktober 2019



# UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

## Enakmen A69

### ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (PINDAAN) 2018

BETA BERSETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN  
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH  
AL-MUSTA'IN BILLAH  
*Sultan Pahang*

28 Januari 2019

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991.

[ ]

**DIPERBUAT** undang-undang oleh Badan Perundangan Negeri Pahang seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) 2018.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

**Pindaan umum**

2. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Yang Dipertua” di mana-mana jua terdapat dalam teks bahasa Inggeris dengan perkataan “President”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “Timbalan Yang Dipertua” di mana-mana jua terdapat dalam teks bahasa Inggeris dengan perkataan “Deputy President”.

**Penggantian seksyen 6**

3. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 6 dengan seksyen yang berikut:

“Mohor. 6. (1) Majlis hendaklah mempunyai suatu mohor yang mengandungi apa-apa tanda yang diluluskan oleh Majlis dan mohor itu boleh dari masa ke masa dipecah, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana difikirkan patut oleh Majlis.

(2) Mohor Majlis hendaklah digunakan dalam semua urusan penyempurnaan suratcara rasmi Majlis dan hendaklah di hadapan Yang Dipertua dan Setiausaha.”.

**Pindaan seksyen 21**

4. Seksyen 21 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Mesyuarat Majlis hendaklah diadakan sekurang-kurangnya tiga kali setahun.”.

**Pindaan seksyen 46**

5. Perenggan 46(1)(a) Enakmen ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan memasukkan selepas perkataan “Deputy” perkataan “Chief”.

**Penggantian seksyen 47**

6. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 47 dengan seksyen yang berikut:

“Bidang kuasa **47.** (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri Pahang dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Ketua Hakim Syarie boleh bersidang sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan mengetuai Mahkamah itu.

(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah—

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun agama Islam, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu; dan

(b) dalam bidang kuasa *malnya*, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam

tindakan atau prosiding itu ialah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan—

- (i) pertunangan, perkahwinan, perceraian, ruju', pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri;
- (ii) pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i);
- (iii) nafkah orang tanggungan, kesahatarafan, atau penjagaan atau jagaan (hadhanah) kanak-kanak;
- (iv) pembahagian, atau tuntutan, harta sepencarian;
- (v) wasiat atau hibah semasa *marad-al-maut*;
- (vi) hibah semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang oleh seseorang orang Islam;
- (vii) wakaf atau *nazr*;
- (viii) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tidak berwasiat;

- (ix) penentuan orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak;
- (x) rujukan bagi penentuan bahawa seseorang itu masih beragama Islam atau tidak;
- (xi) perakuan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;
- (xii) penentuan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah orang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya; dan
- (xiii) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis.”.

### **Penggantian seksyen 77**

7. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 77 dengan seksyen yang berikut:

“Audit. **77.** (1) Majlis hendaklah menyimpan atau hendaklah menyebabkan disimpan akaun-akaun dan rekod lain yang sempurna mengenai penjalanannya mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum dan hendaklah menyebabkan disediakan penyata bagi akaun-akaunnya bagi tiap-tiap satu tahun kewangan dan, dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan itu.

(2) Akaun-akaun Majlis hendaklah diaudit oleh juruaudit yang dilantik oleh Majlis.

(3) Tiada Akaun Majlis boleh dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.”.

### **Pindaan seksyen 78**

8. Seksyen 78 Enakmen ini dipinda dengan memotong perkataan “, mengeluarkan dan menyiarkan dalam *Warta*”.

### **Pindaan seksyen 79**

9. Seksyen 79 Enakmen ini dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Majlis hendaklah menyediakan dan menyerahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan tidak lewat daripada 30 haribulan November setiap tahun anggaran kesemua pendapatan dan perbelanjaan Majlis termasuk di dalamnya anggaran segala harta yang boleh diterima dan boleh dilupuskan dalam tahun yang berikutnya dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh meluluskan anggaran itu atau boleh mengarahkan supaya ia dipinda, anggaran tersebut hendaklah disiarkan dalam *Warta*.”; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Majlis boleh pada bila-bila masa menyerahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan anggaran perbelanjaan tambahan berkenaan dengan tahun semasa, atau, pada bila-bila masa sebelum daripada 31 haribulan Mac dalam mana-mana tahun, berkenaan dengan tahun yang lalu, dan tambahan itu boleh diluluskan atau dipinda dan hendaklah disiarkan mengikut cara yang sama.”.

## **Pindaan seksyen 81**

### **10. Seksyen 81 Enakmen ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Pembayaran yang perlu dibuat oleh Majlis boleh dilaksanakan dengan menggunakan cek atau apa-apa kaedah lain yang Majlis fikirkan sesuai dan munasabah dan semua wang yang diterima oleh atau untuk Majlis hendaklah dibayar ke dalam suatu akaun bank Majlis mengikut cara yang difikirkan sesuai termasuklah tetapi terhad kepada Arahan Perbendaharaan; dan

- (b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Sebarang pembayaran yang dibuat melalui cek hendaklah ditandatangani oleh Yang Dipertua atau oleh mana-mana ahli Majlis yang diberikuasa oleh Yang Dipertua dan oleh Setiausaha serta Akauntan yang diberikuasa berdasarkan kepada amaun cek tersebut yang mana bagi cek berjumlah sepuluh ribu ringgit dan ke atas, ia hendaklah ditandatangani oleh Yang Dipertua atau oleh mana-mana ahli Majlis, Setiausaha serta Akauntan, manakala bagi cek yang kurang daripada jumlah tersebut, ia hendaklah ditandatangani oleh Yang Dipertua atau Setiausaha dan mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis.”.

## **Penggantian seksyen 89**

### **11. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 89 dengan seksyen yang berikut:**

“Sekatan **89.** (1) Tiada seorangpun boleh tanpa kebenaran bertulis membina daripada Majlis, mendirikan apa-apa bangunan untuk masjid. digunakan sebagai masjid atau menjadikan atau secara lain menggunakan mana-mana bangunan untuk tujuan

masjid, atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana bangunan digunakan sebagai masjid atau membina apa-apa bangunan di dalam kawasan masjid sama ada yang bersambungan secara terus dengan masjid atau berasingan daripada masjid untuk sebarang tujuan.

(2) Majlis tidak boleh memberi kebenaran di bawah subseksyen (1), kecuali tapak bangunan bagi masjid yang dicadangkan itu telah dijadikan wakaf kekal.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi daripada tiga tahun atau kedua-duanya.”.

### **Pindaan seksyen 90**

#### **12. Seksyen 90 Enakmen itu dipinda—**

(a) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Tiada ubahsuaian bentuk masjid atau pindaan atau penambahan atau naik taraf sesuatu bangunan masjid sama ada bagi sebahagian atau kesemua bahagian bangunan masjid tersebut atau bagi mana-mana bangunan yang telah dibina di kawasan masjid tersebut boleh dibuat tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (4), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi daripada enam bulan atau kedua-duanya.”.



**Pindaan seksyen 112**

**13.** Subseksyen 112(3) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “surat kebenaran” dengan perkataan “perakuan kebenaran mengajar”.

**Pindaan seksyen 116**

**14.** Seksyen 116 Enakmen ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (l) dengan perenggan yang berikut:

“(l) penjagaan dan pengajaran *muallaf*, serta cara pendaftaran *muallaf* termasuk tempat perlindungan *muallaf*.”; dan


(b) dengan memasukkan selepas perenggan (l) dengan perenggan yang berikut:

“(la) prosedur, bentuk dan cara pelaksanaan penentuan status Islam seseorang.”.

Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang pada 23 November 2018.

[PUN. Phg. D/100/26/1]

SYED AHMAD KHIRULANWAR  
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha Dewan Negeri,  
Pahang*



# **LAWS OF THE STATE OF PAHANG**

## **Enactment A69**

**ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW  
(AMENDMENT) ENACTMENT 2018**

Date of Royal Assent	...	...	28 January 2019
Date of publication in the <i>Gazette</i>	...	...	10 October 2019

**LAWS OF THE STATE OF PAHANG**

**Enactment A69**

**ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW  
(AMENDMENT) ENACTMENT 2018**

I ASSENT,

(STATE SEAL)

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN  
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH  
AL-MUSTA'IN BILLAH  
*Sultan of Pahang*

28 January 2019

An Enactment to amend the Administration of Islamic Law  
Enactment 1991.

[ ]

**ENACTED** by the Legislature of the State of Pahang as follows:

**Short title and commencement**

**1.** (1) This enactment may be cited as the Administration of  
Islamic Law (Amendment) Enactment 2018.

(2) This Enactment comes into operation on the date of assent  
of His Royal Highness the Sultan.

**General amendment**

2. The Administration of Islamic Law Enactment 1991 [*Enactment No. 3 of 1991*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended—

(a) by substituting for the word “Yang Dipertua” wherever appearing in English text the word “President”; and

(b) by substituting for the words “Timbalan Yang Dipertua” wherever appearing in English text the words “Deputy President”.

**Substitution of section 6**

3. The principal Enactment is amended by substituting for section 6 the following section:

“Seal. **6.** (1) The Majlis shall have a common seal which shall bear such device as the Majlis may approve and such seal may from time to time be broken, changed, altered and made anew by the Majlis as it may think fit.

(2) The seal of Majlis shall be used in all matters of the completion of the official instrument of the Majlis and shall be in the presence of the President and the Secretary.”.

**Amendment of section 21**

4. Section 21 of the principal Enactment is amended by substituting for subsection (4) the following subsection:

“(4) The meetings of the Majlis shall be held at least three times a year.”.

**Amendment of section 46**

5. Paragraph 46(1)(a) of the principal Enactment of the English text is amended by inserting after the word “Deputy” the word “Chief”.

**Substitution of section 47**

6. The principal Enactment is amended by substituting for section 47 the following section:

“Jurisdiction of Syariah High Court.

**47.** (1) A Syariah High Court shall have jurisdiction throughout the State of Pahang and shall be presided over by a Syariah High Court Judge.

(2) Notwithstanding subsection (1), the Chief Syarie Judge may sit as a Syariah High Court Judge and presided over such Court.

(3) The Syariah High Court shall—

(a) in its criminal jurisdiction, try any offence committed by a Muslim and punishable under this Enactment or under any other written law for the time being in force which prescribes offences against the precepts of the religions of Islam and may impose any punishment provided for the offence; and

(b) in its civil jurisdiction, hear and determine all actions and proceedings if all the parties to the actions or proceedings are Muslims and the actions or proceedings relate to—

(i) betrothal, marriage, divorce, *ruju*, annulment of marriage (*fasakh*), *nusyuz* or judicial separation (*faraq*) or any other matter relating to the relationship between husband and wife;

- (ii) disposition of or claim to property arising out of any of the matters set out in subparagraph (i);
- (iii) maintenance of dependents, legitimacy, or guardianship or custody (*hadhanah*) of infants;
- (iv) division of, or claims to, joint acquisition of properties;
- (v) wills or gifts made while in a state of *marad-al-maut*;
- (vi) gifts *inter vivos*, or settlements made without adequate consideration in money or money's worth by a Muslim;
- (vii) *wakaf* or *nazr*;
- (viii) division and inheritance of testate or intestate property;
- (ix) determination of the persons entitled to share in the estate of a deceased Muslim or the shares to which such persons are respectively entitled;
- (x) reference to the determination that a person is a Muslim or not;
- (xi) certification that a person is no longer a Muslim;
- (xii) determination that a person has died as a Muslim or non-Muslim at the time of his death; and

- (xiii) other matters in respect of which jurisdictions are conferred by any written law.”.

**Substitution of section 77**

7. The principal Enactment is amended by substituting for section 77 the following section:

“Audit. 77. (1) The Majlis shall keep or cause to be kept the accounts and other proper records of their conduct in accordance with generally accepted accounting principles and shall cause statements prepared for their accounts for each financial year and, within six months after the end of the year finance it.

(2) The accounts of the Majlis shall be audited by the auditor appointed by the Majlis.

(3) No account of the Majlis shall be presented at the State Legislative Assembly.”.

**Amendment of section 78**

8. Section 78 of the principal Enactment is amended by deleting the words “, issue and publish in the *Gazette*”.

**Amendment of section 79**

9. Section 79 of the principal Enactment is amended—

(a) by substituting for subsection (1) the following subsection:

“(1) The Majlis shall prepare and submit to the His Royal Highness the Sultan not later than the 30 day of November each year estimates of all income and expenditure of the Majlis, including therein estimates of all properties receivable and disposable



in the ensuing year and the His Royal Highness the Sultan may approve such estimates or may direct that the same be amended and upon such approval or amendment the said estimates shall be published in the *Gazette*.”; and

(b) by substituting for subsection (2) the following subsection:

“(2) The Majlis may at any time submit to the His Royal Highness the Sultan supplementary estimates of expenditure in respect of the current year, or at any time prior to the 31st day of March in any year in respect of the preceding year, and the same may be approved or amended and shall be published in like manner.”.

### **Amendment of section 81**

**10.** Section 81 of the principal Enactment is amended—

(a) by substituting for subsection (2) the following subsection:

“(2) Payments by the Majlis may be made by cheque or any other method which the Majlis considers appropriate and reasonable and all monies received by or for the Majlis shall be paid into a bank account of the Majlis in the manner deem fit including but limited to the Treasury Instructions.”; and

(b) by substituting for subsection (3) the following subsection:

“(3) Any payment made by cheque shall be signed by the President or by any member of the Majlis authorized by the President and by the Secretary and the Accountant based on the amount of the cheque for which the cheque amounted to ten thousand ringgit and above, shall be signed by the President or by any member of the Majlis, the Secretary and the Accountant, while for cheques less than that amount, it shall be signed by the President or the Secretary and any person appointed by the Majlis.”.

**Substitution of section 89**

**11.** The principal Enactment is amended by substituting for section 89 the following section:

“Restriction on establishment of mosques.

**89.** (1) No person shall, without the permission in writing of the Majlis, erect any building to be used as a mosque, or dedicate or otherwise apply any building for the purposes of a mosque, or cause or permit any building to be used as a mosque or construct any building in the mosque area either directly connected to the mosque or separate from the mosque for any purpose.

(2) The Majlis shall not give its permission under subsection (1), unless the site of the building for the proposed mosque has been made a wakaf in perpetuity.

(3) Any person who contravenes the provisions of subsection (1), shall be guilty of an offense and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.”.

**Amendment of section 90**

**12.** Section 90 of the principal Enactment is amended—

(a) by substituting for subsection (3) the following subsection:

“(3) No alteration to the structure of a mosque or amendment or addition or upgrade of a mosque building either for part or all parts of the building of the mosque or of any building which has been built in the mosque area may be made without the prior written permission of the Majlis.”; and

(b) by inserting after subsection (4) the following subsection:

“(5) Any person who contravenes the provisions of subsection (4), shall be guilty of an offense and

shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.”.

### **Amendment of section 112**

**13.** Subsection 112(3) of the principal Enactment is amended by substituting for the words “authorisation letter” the words “authorization certificate to teach”.

### **Amendment of section 116**

**14.** Section 116 of the principal Enactment is amended—

(a) by substituting for paragraph (l) the following paragraph:


“(l) care and instruction of *muallafs*, and the method of registering *muallafs* including the *muallafs* shelter;” and

(b) by inserting after paragraph (l) the following paragraph:

“(la) procedures, forms and methods of implementing the determination of a person’s Islamic status;”.

Passed by the Legislative Assembly of Pahang on 23 November 2018.  
[PUN. Phg. D/100/26/1]

SYED AHMAD KHIRULANWAR  
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Clerk of the Legislative Assembly,  
Pahang*



# **UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG**

## **Enakmen A70**

**ENAKMEN PERBEKALAN (2019) 2018**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	28 Januari 2019
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	10 Oktober 2019

# UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

## Enakmen A70

### ENAKMEN PERBEKALAN (2019) 2018

BETA BERSETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN  
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH  
AL-MUSTA'IN BILLAH  
*Sultan Pahang*

28 Januari 2019

Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu.

[ ]

**DIPERBUAT** undang-undang oleh Badan Perundangan Negeri Pahang seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2019) 2018.  
(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

**Pengeluaran sejumlah wang sebanyak RM580,618,806.00 daripada Kumpulan Wang Disatukan**

2. (1) Dengan ini adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi Lima Ratus Lapan Puluh Juta Enam Ratus Lapan Belas Ribu Lapan Ratus Enam Sahaja (RM580,618,806.00) daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan ke atas perkhidmatan di dalam tahun 2019.

(2) Jumlah wang tersebut adalah diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual kepada Enakmen ini, dan amaun yang diperuntukkan bagi tiap-tiap satu maksud adalah seperti dinyatakan dalam ruang 2 Jadual.

JADUAL

<i>Maksud</i>	Ruang 1 <i>Tajuk</i>	Ruang 2 <i>Amaun</i> RM
B.01	Pejabat KDYMM Sultan Pahang	8,728,236.00
B.02	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	87,900,599.00
B.03	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	74,174,536.00
B.04	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	859,741.00
B.05	Dewan Negeri	12,165,120.00
B.06	Jabatan Kerja Raya Negeri	61,983,377.00
B.07	Jabatan Perhutanan Negeri	35,509,044.00
B.08	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	11,535,721.00
B.09	Jabatan Pertanian Negeri	26,313,785.00
B.10	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	23,087,082.00
B.11	Pejabat Daerah dan Tanah Bentong	6,318,660.00
B.12	Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands	5,683,023.00
B.13	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut	7,273,539.00


<i>Maksud</i>	<i>Ruang 1 Tajuk</i>	<i>Ruang 2 Amaun RM</i>
B.14	Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan	9,173,481.00
B.15	Pejabat Daerah dan Tanah Lipis	7,128,052.00
B.16	Pejabat Daerah dan Tanah Pekan	8,103,253.00
B.17	Pejabat Daerah dan Tanah Raub	6,396,302.00
B.18	Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh	9,153,777.00
B.19	Pejabat Daerah dan Tanah Rompin	6,073,196.00
B.20	Pejabat Daerah dan Tanah Maran	6,821,339.00
B.21	Pejabat Daerah dan Tanah Bera	5,614,519.00
B.22	Pejabat Tanah dan Galian Negeri	10,391,318.00
B.23	Jabatan Mineral dan Geosains Negeri	331,883.00
B.24	Jabatan Agama Islam Negeri	116,444,381.00
B.25	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri	4,222,092.00
B.26	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri	18,392,839.00
B.28	Jabatan Mufti Negeri	2,981,520.00
B.29	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	6,138,125.00
B.31	Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri	1,720,266.00
	Jumlah	<u>580,618,806.00</u>

Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang pada 23 November 2018.

[(S)KEW.NEG.Phg. 1/2018; PUN. Phg. D/100/26/2]

SYED AHMAD KHIRULANWAR  
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha Dewan Negeri,  
Pahang*





# **LAWS OF THE STATE OF PAHANG**

**Enactment A70**

**SUPPLY (2019) ENACTMENT 2018**

Date of Royal Assent	...	...	28 January 2019
Date of publication in the <i>Gazette</i>	...	...	10 October 2019

**LAWS OF THE STATE OF PAHANG**

**Enactment A70**

**SUPPLY (2019) ENACTMENT 2018**

I ASSENT,

(STATE SEAL)

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN  
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH  
AL-MUSTA'IN BILLAH  
*Sultan of Pahang*

28 January 2019

An Enactment to issue a sum from the Consolidated Fund for the services of the year 2019 and to appropriate that sum for certain purposes.

[ ]

**ENACTED** by the Legislature of the State of Pahang as follows:

**Short title and commencement**

**1.** (1) This enactment may be cited as the Supply (2019) Enactment 2018.

(2) This Enactment comes into operation on 1 January 2019.

**Issue of a sum of RM580,618,806.00 from the Consolidated Fund**

2. (1) It is hereby authorised to be issued a sum not exceeding Five Hundred Eighty Million Six Hundred Eighteen Thousand Eight Hundred Six Only (RM580,618,806.00) from the Consolidated Fund for the expenditure on the services of the year 2019.

(2) The said sum is appropriated for the purposes specified in the Schedule to this Enactment, and the amount appropriated for each purpose being that specified in column 2 of the Schedule.

## SCHEDULE

<i>Purpose</i>	<i>Column 1 Title</i>	<i>Column 2 Amount RM</i>
B.01	Pejabat KDYMM Sultan Pahang	8,728,236.00
B.02	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	87,900,599.00
B.03	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	74,174,536.00
B.04	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	859,741.00
B.05	Dewan Negeri	12,165,120.00
B.06	Jabatan Kerja Raya Negeri	61,983,377.00
B.07	Jabatan Perhutanan Negeri	35,509,044.00
B.08	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	11,535,721.00
B.09	Jabatan Pertanian Negeri	26,313,785.00
B.10	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	23,087,082.00
B.11	Pejabat Daerah dan Tanah Bentong	6,318,660.00
B.12	Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands	5,683,023.00
B.13	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut	7,273,539.00
B.14	Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan	9,173,481.00
B.15	Pejabat Daerah dan Tanah Lipis	7,128,052.00
B.16	Pejabat Daerah dan Tanah Pekan	8,103,253.00

*Supply (2019)*

5


<i>Purpose</i>	<i>Column 1 Title</i>	<i>Column 2 Amount RM</i>
B.17	Pejabat Daerah dan Tanah Raub	6,396,302.00
B.18	Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh	9,153,777.00
B.19	Pejabat Daerah dan Tanah Rompin	6,073,196.00
B.20	Pejabat Daerah dan Tanah Maran	6,821,339.00
B.21	Pejabat Daerah dan Tanah Bera	5,614,519.00
B.22	Pejabat Tanah dan Galian Negeri	10,391,318.00
B.23	Jabatan Mineral dan Geosains Negeri	331,883.00
B.24	Jabatan Agama Islam Negeri	116,444,381.00
B.25	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri	4,222,092.00
B.26	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri	18,392,839.00
B.28	Jabatan Mufti Negeri	2,981,520.00
B.29	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	6,138,125.00
B.31	Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri	1,720,266.00
	<b>Total</b>	<b>580,618,806.00</b>

Passed by the Legislative Assembly of Pahang on  
23 November 2018.

[(S)KEW.NEG.Phg. 1/2018; PUN. Phg. D/100/26/2]

SYED AHMAD KHIRULANWAR  
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Clerk of the Legislative Assembly,  
Pahang*





# **UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG**

## **Enakmen A71**

**ENAKMEN PERUNTUKAN DI RAJA  
(PINDAAN) 2019**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	20 September 2019
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	10 Oktober 2019

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

**UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG**

**Enakmen A71**

**ENAKMEN PERUNTUKAN DI RAJA (PINDAAN) 2019**

BETA BERSETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

TENGGU MAHKOTA TENGGU HASSANAL  
IBRAHIM ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN  
ABDULLAH RI'AYATUDDIN  
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
*Pemangku Raja Pahang*

20 September 2019

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Di Raja 1981.

[ ]

**DIPERBUAT** undang-undang oleh Badan Perundangan Negeri Pahang seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan Di Raja (Pindaan) 2019.



(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), Enakmen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 11 Januari 2019.

(3) Perenggan 3(c)(iii) dan (iv) hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2008.

### **Seksyen 2A baru**

2. Enakmen Peruntukan Di Raja 1981 [*Enakmen No. 3 tahun 1981*], yang dalam Enakmen ini disebut “Enakmen ibu” dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 2 seksyen yang berikut:

<p>“Habuan Tubuh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang.</p>	<p><b>2A.</b> (1) Hendaklah dibayar kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta’in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri’ayatuddin Al-Mu’adzam Shah wang tahunan yang dinyatakan dalam Kelas A.</p> <p>(2) Hendaklah dibayar kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang wang tahunan yang dinyatakan dalam Kelas B.”.</p>
--	--

### **Pindaan Jadual**

3. Jadual kepada Enakmen ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan sebelum KELAS I, KELAS yang berikut:

“KELAS A:

Habuan Tubuh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta’in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri’ayatuddin Al-Mu’adzam Shah

... ..

(b) dengan memasukkan selepas KELAS A, KELAS yang berikut:

“KELAS B:

Habuan Tubuh Kebawah RM120,000.00 setahun”;

Duli Yang Maha Mulia

Sultanah Pahang (Elaun

Peribadi (Pencen))

... ..

(c) dalam KELAS I—

(i) dalam butiran (1), dengan menggantikan angka “RM538,200.00” dengan angka “RM720,000.00”;

(ii) dalam butiran (2), dengan menggantikan angka “RM156,000.00” dengan angka “RM180,000.00”;

(iii) dalam butiran (4), dengan menggantikan angka “RM120,000.00” dengan angka “RM156,000.00”;  
dan


(iv) dalam butiran (5), dengan menggantikan angka “RM60,000.00” dengan angka “RM78,000.00”;  
dan

(d) dalam KELAS II, dalam butiran (a)(2), dengan menggantikan angka “RM90,000.00” dengan angka “RM120,000.00”.

Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang pada 19 April 2019.

[(S)KEW.NEG.Phg.1/83 Klt. 29(17); PUN. Phg. D/100/26/33]

SYED AHMAD KHIRULANWAR  
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha Dewan Negeri,  
Pahang*



# **LAWS OF THE STATE OF PAHANG**

## **Enactment A71**

**CIVIL LIST (AMENDMENT) ENACTMENT 2019**

Date of Royal Assent	...	...	20 September 2019
Date of publication in the <i>Gazette</i>		...	10 October 2019

**LAWS OF THE STATE OF PAHANG**

**Enactment A71**

**CIVIL LIST (AMENDMENT) ENACTMENT 2019**

I ASSENT,

(STATE SEAL)

TENGGU MAHKOTA TENGGU HASSANAL  
IBRAHIM ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN  
ABDULLAH RI'AYATUDDIN  
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
*The Regent of Pahang*

20 September 2019

An Enactment to amend the Civil List Enactment 1981.

[ ]

**ENACTED** by the Legislature of the State of Pahang as follows:

**Short title and commencement**

**1.** (1) This enactment may be cited as the Civil List (Amendment) Enactment 2019.

(2) Subject to subsection (3), this Enactment shall be deemed to have come into force on 11 January 2019.

(3) Paragraphs 3(c)(iii) and (iv) shall be deemed to have come into force on 1 May 2008.

### **New section 2A**

2. The Civil List Enactment 1981 [*Enactment No. 3 of 1981*], which in this Enactment is referred to as the “principal Enactment” is amended by inserting after section 2 the following section:

“Privy Purses of His Royal Highness Paduka Ayahanda Sultan and Her Royal Highness Sultanah Pahang. **2A.** (1) There shall be paid to His Royal Highness Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta’in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri’ayatuddin Al-Mu’adzam Shah the yearly sums specified in Class A.

(2) There shall be paid to Her Royal Highness Sultanah Pahang as Her personal allowances (pension) the yearly sums specified in Class B.”.

### **Amendment of Schedule**

3. The Schedule to the principal Enactment is amended—

(a) by inserting before CLASS I, the following CLASS:

“CLASS A:

The Privy Purse to RM408,000.00 per year”;  
 His Royal Highness  
 Paduka Ayahanda Sultan  
 Haji Ahmad Shah Al  
 Musta’in Billah Ibni  
 Al-Marhum Sultan Abu  
 Bakar Ri’ayatuddin  
 Al-Mu’adzam Shah

... ..

(b) by inserting after CLASS A, the following CLASS:

“CLASS B:

The Privy Purse to Her RM120,000.00 per year”;  
Royal Highness Sultanah  
Pahang (Personal  
allowance) (Pension))

... ..

(c) in CLASS I—

(i) in item (1), by substituting for the figure  
“RM538,200.00” the figure “RM720,000.00”;

(ii) in item (2), by substituting for the figure  
“RM156,000.00” the figure “RM180,000.00”;

(iii) in item (4), by substituting for the figure  
“RM120,000.00” the figure “RM156,000.00”; and

(iv) in item (5), by substituting for the figure  
“RM60,000.00” the figure “RM78,000.00”; and

(d) in CLASS II, in item (a)(2), by substituting for the figure  
“RM90,000.00” the figure “RM120,000.00”.

Passed by the Legislative Assembly of Pahang on  
19 April 2019.

[(S)KEW.NEG.Phg.1/83 Klt. 29(17); PUN. Phg. D/100/26/33]

SYED AHMAD KHIRULANWAR  
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Clerk of the Legislative Assembly,  
Pahang*

